

**No. 19755.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KETUA PUSTAKAWAN) 2021**

**SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

**BAHAGIAN II**

**KETUA PUSTAKAWAN**

2. Pelantikan
3. Kuasa dan kewajipan Ketua Pustakawan
4. Mewakulkan kuasa dan kewajipan
5. Keesahan

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KETUA PUSTAKAWAN) 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1), Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U. (A) 460/2010*], Canselor membuat Statut yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

Nama dan Permulaan Kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Sabah (Ketua Pustakawan) 2021.
- (2) Statut ini hendaklah berkuat kuasa pada 20 September 2021.

## BAHAGIAN II

## KETUA PUSTAKAWAN

Pelantikan

2. (1) Seorang Ketua Pustakawan hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut Seksyen 14 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.
- (2) Seorang Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.
- (3) Pelantikan Ketua Pustakawan boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

Kuasa dan kewajipan Ketua Pustakawan

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Ketua Pustakawan hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:
  - (a) menjadi ketua Pejabat Perpustakaan Universiti;
  - (b) menasihati dan membantu Naib Canselor dalam pelaksanaan perancangan strategik berkaitan dengan perpustakaan;
  - (c) menjadi ahli *ex-officio* Senat;

- (d) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti;
- (e) bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran perpustakaan Universiti dan mana-mana perpustakaan cawangan atau perpustakaan fakulti yang ditubuhkan;
- (f) merancang, membangun dan menyenggara bangunan, ruang, kemudahan, persekitaran dan infrastruktur teknologi yang sesuai untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan perpustakaan;
- (g) merancang, melaksana dan menguruskan perkhidmatan perpustakaan, perkhidmatan maklumat bibliometrik dan lain-lain perkhidmatan maklumat;
- (h) memperoleh dan menyenggara koleksi sumber maklumat perpustakaan, sama ada bahan bercetak atau bukan bercetak dan termasuklah bahan digital;
- (i) membangun, menyenggara dan memulihara repositori institusi dan arkib Universiti;
- (j) menjadi Setiausaha Jawatankuasa Perpustakaan;
- (k) menjadi pengerusi atau setiausaha mana-mana jawatankuasa lain berkaitan dengan perkhidmatan maklumat;
- (l) menjadi ahli mana-mana jawatankuasa yang berkaitan dengan penerbitan atau penyelidikan Universiti;
- (m) tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan apa-apa peraturan yang berkuat kuasa, memasuki apa-apa perjanjian atau surat cara yang berkaitan dengan pengurusan, penjalanan dan pengoperasian perpustakaan;
- (n) melaksanakan apa-apa kuasa atau tanggungjawab lain sebagaimana yang diperlukan di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan; dan
- (o) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan Naib Canselor dari semasa ke semasa.

#### Mewakulkan kuasa dan kewajipan

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Ketua Pustakawan boleh mewakulkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pustakawan Universiti melalui suatu suratcara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Ketua Pustakawan atas apa-apa alasan, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pustakawan Universiti untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Ketua Pustakawan.

Keesahan

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Ketua Pustakawan yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 20 September 2021

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN  
DATUK HAJI MAHIRUDDIN  
*Canselor Universiti Malaysia Sabah*

**No. 19756.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH) (PINDAAN) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U. (A) 460/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Statut ini bolehlah dinamakan sebagai Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah)(Pindaan) 2020 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh statut ini ditandatangani oleh Canselor.

Pengubahan dan penambahan diperihalkan dalam Jadual

2. Peruntukan seksyen-seksyen yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah dipinda mengikut cara yang diperihalkan dalam ruang (2) bagi maksud pemakaiannya bagi Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016.